



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
25 APRIL 2017 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--|----|
| - Kerja baik pulih cerun giat dijalankan | 40 |
| - Tuntutan MB tak munasabah | 35 |

Utusan Malaysia

- | | |
|------------------|----|
| - Talian Khidmat | 30 |
|------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
25 APRIL 2017 (SELASA)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Kerja baik pulih cerun giat dijalankan
Muka Surat	40

Kerja baik pulih cerun giat dijalankan

AMPANG-Pemaju sebuah pang-sapuri di Bukit Antarabangsa, di sini, giat menjalankan kerja-kerja baik pulih cerun susulan kejadian tanah runtuh berhampiran pang-sapuri berkenaan.

Ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Ahmad Sabri Abu Bakar berkata, kerja baik pulih itu dijangka siap dalam tempoh tiga minggu namun ia bergantung kepada keadaan cuaca.

"Saya dimaklumkan kejadian tanah runtuh itu berkemungkinan berpuncanya daripada kegagalan saliran longkang di lokasi

kejadian. SH 25/4/2017 mis 40

"Kontraktor juga dijangka akan berhadapan dengan kelewatan kerja baik pulih akibat hujan yang tidak menentu," katanya.

Menurutnya, lokasi kejadian tanah runtuh itu adalah kawasan penyelenggaraan badan pengurusan bersama (JMB) pang-sapuri berkenaan.

Pada 19 Mac lalu, kejadian runtuh tanah sepanjang 50 kaki berlaku di belakang pang-sapuri berkenaan namun tiada kerrosakan struktur dan kemalangan jiwa dilaporkan.

Saya dimaklumkan kejadian tanah runtuh itu berkemungkinan berpuncanya daripada kegagalan saliran longkang di lokasi kejadian." - Ahmad Sabri





MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
25 APRIL 2017 (SELASA)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Talian Khidmat
Muka Surat	30

TALIAN KHIDMAT
Um mis 30 25/4/2017

SENARAI BALAI POLIS

Petaling Jaya	03-79662222
Bukit Aman	03-22662222
Damansara Utama	03-77222222
Dang Wangi	03-20702222
Shah Alam	03-55202222
Cheras	03-92842222
Sungai Buloh	03-61561222

LEMBAH KLANG

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	03-40244424
Majlis Bandaraya Shah Alam	03-55105133
Majlis Bandaraya Petaling Jaya	03-79563544
Majlis Perbandaran Subang Jaya	03-80263102
Majlis Perbandaran Kajang	03-87370112
Majlis Perbandaran Selayang	03-61265800
Majlis Perbandaran Klang	03-33755555
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	03-42968000
Majlis Perbandaran Sepang	03-83190200
Majlis Daerah Kuala Selangor	03-32891439
Majlis Daerah Sabak Bernam	03-32241655
Majlis Daerah Hulu Selangor	03-60641331
Majlis Daerah Kuala Langat	03-31872825

NEGERI SEMBILAN

Majlis Perbandaran Seremban	06-7667500
Majlis Perbandaran Nilai	06-7989000
Majlis Perbandaran Port Dickson	06-6471335
Majlis Daerah Kuala Pilah	06-4812075
Majlis Daerah Jelebu	06-6136991
Majlis Daerah Jempol	06-4581233
Majlis Daerah Tampin'	06-4411609
Majlis Daerah Rembau	06-6851144

MELAKA

Melaka 1 Number Call Centre	06-3333333
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	06-2859700
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	06-2323773
Majlis Perbandaran Alor Gajah	06-5563127
Majlis Perbandaran Jasin	06-5291245
Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka	06-2854222
Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Alor Gajah	06-5562222
Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jasin	06-5292222
Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Melaka Tengah	06-28422222
Hospital Melaka	06-2892344
Hospital Alor Gajah	06-5565333
Hospital Jasin	06-5294262



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
25 APRIL 2017 (SELASA)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Tuntutan MB tak munasabah
Muka Surat	35

S H 25/4/2017
m/s 35

Tuntutan MB tak munasabah

KPKT keluar kos RM144 juta, kerajaan negeri tuntut RM60.6 juta untuk serah PPR Lembah Subang 1

SHAH ALAM - Tuntutan RM60.6 juta oleh kerajaan negeri untuk menyerahkan pengurusan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1 kepada kerajaan Persekutuan disifatkan sebagai tidak munasabah.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, perumahan tersebut dibina oleh kementerian dan diserahkan kepada kerajaan negeri untuk menguruskannya.

Beliau berkenan, kerajaan negeri gagal menguruskan perumahan itu dengan baik menyebabkan ramai pengvuni tidak membayar sewa dan kemudahan yang disediakan sebelum ini rosak dan tidak dibaike.

"Rumah kita buat, atas tanah kita, dengan kos yang kita tanggung tetapi kerajaan negeri yang tak keluar satu sen tuntut pula RM60.6 juta.

"Kita minta mereka urus tetapi gagal. Sewa mereka ambil tapi tak buat

- Kos pembinaan PPR RM100 juta
● Pada 2003 kerajaan beri RM22 juta dan pada 2017, beri RM22 juta lagi

penyelenggaraan. Jika tak boleh urus, pulangkan sahaja kepada kerajaan pusat," katanya, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang mahu kerajaan pusat membayar balik segala kos ditanggung Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) termasuk kos penyelenggaraan bangunan, kebersihan serta menyela kesemuanya lif melibatkan lapan blok di sini.

Kemelut berlarutari perumahan uzur itu disiarkan beberapa akhbar tempatan termasuk *Sinar Harian* mengenai penduduk yang mendakwa juga tidak logik kerana sebahagiannya adalah tunggakan sewa yang tidak dibayar oleh penghuni perumahan yang tidak dituntut oleh kerajaan negeri.

Noh berkata, Mohamed Azmin baru sekali turun padang melawat kawasan perumahan tersebut sudah berlagak mahu menjadi hero.

Noh berkata, pada 2003 kementerian telah memberi RM22 juta untuk penyelenggaraan dan pada 2017, sebanyak RM6 juta untuk kos penyelenggaraan dan tambahan RM16 juta lagi untuk menggantikan lif yang telah rosak.

"Kementerian tidak pernah tuntut satu sen pun walaupun telah mengeluarkan kos untuk penyelenggaraan yang sepatutnya dibuat oleh kerajaan negeri kerana ini adalah khidmat kerajaan pusat kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata, jumlah tuntutan itu juga tidak logik kerana sebahagiannya adalah tunggakan sewa yang tidak dibayar oleh penghuni perumahan yang tidak dituntut oleh kerajaan negeri.

"Dia tuduh saya ceroboh sedangkan sebelum jadi menteri lagi saya sering ke sana melihat kawasan dan bertemu dengan penduduk. Lagipun rumah kita punya," katanya, dengan nada sinis.

Noh turut mengatakan apabila Mohamed Azmin mendakwa tiada perbincangan sedangkan Jabatan Perumahan Negara pernah mengadakan dua kali pertemuan dengan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) yang dipengerusikan beliau sendiri dan MBPJ yang diwakili Exco Selangor, Datuk Iskandar A Samad.

"Terbukti dia memang menteri besar yang tidak tahu apa-apa," katanya.

